

Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam: Pengurusan dan Perundangan

Haslinda Mohd Anuar¹, Harlida Abdul Wahab²
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Isu-isu berkaitan pengurusan sisa pepejal bukanlah isu yang baru di Malaysia. Bermula dengan bidang kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kini pengurusan sisa pepejal dan kebersihan awam beralih kepada Kerajaan Persekutuan yang diurus dan dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta kontraktor atau pemegang lesen yang dilantik. Pengambilalihan pengurusan ini adalah bertujuan untuk memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekeliling akibat daripada kelemahan pengurusan dan perundangan. Artikel ini membincangkan dua aspek penting iaitu pengurusan dan perundangan berkaitan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan meneliti peruntukan yang terkandung dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Kata kunci: sisa pepejal, undang-undang, pengurusan, pihak berkuasa tempatan, alam sekitar

Abstract

Issues relating solid waste management are not a new issue in Malaysia. Starting with the jurisdiction given to the Local Authority, the jurisdiction to manage solid waste and public cleansing is now given to the Federal Government and implemented by the National Solid Waste Management Department, the Solid Waste and Public Cleansing Corporation and the contractors or licencees appointed. The takeover was meant to ensure the effectiveness of solid waste and public cleansing management thus reducing the environmental pollution caused by the weaknesses in the management and legislation. This article discusses two important aspects, that is, management and legislation of the solid waste and public cleansing by examining the provisions stated in the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007.

Keywords: solid waste, legislation, management, local authority, environment

1.0 Pengenalan

Sisa pepejal secara umumnya merujuk kepada sampah-sarap atau bahan buangan yang bukan dalam bentuk cecair mahupun gas. Pembuangan dan pelupusan sampah sarap atau sisa pepejal

¹ Penulis utama. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.E-mail: haslinda@uum.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.E-mail: harlida@uum.edu.my

memerlukan satu sistem pengurusan yang baik dan mapan demi kelestarian alam sekitar. Pengurusan sisa pepejal merupakan salah satu isu utama bagi negara-negara membangun. Ini kerana kaedah kebergantungan kepada tapak pelupusan tidak lagi efektif kerana pertambahan jumlah sisa pepejal saban hari di samping kekurangan kawasan pelupusan. Selain itu aspek pelupusan dan pengutipan sisa pepejal adalah perkara penting yang bukan sahaja melibatkan isu pembangunan negara malah berkait rapat dengan aspek kesihatan awam yang menyentuh kehidupan seharian rakyat.

Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, jumlah sisa pepejal yang dijana di Semenanjung Malaysia meningkat daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada tahun 2005 (Unit Perancang Ekonomi, 2005). Seterusnya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (2008) menganggarkan jumlah sisa ini meningkat kepada 23,000 tan pada tahun 2010 dan terus meningkat kepada 30,000 tan sehari menjelang tahun 2020.

Secara purata, rakyat Malaysia menjana sisa pepejal sebanyak 0.8 kilogram sehari dengan kadar peningkatan sebanyak 2.5% setahun (KPKT, 2008). Sisa pepejal ini termasuk sisa pepejal domestik, sisa pepejal awam, sisa pepejal dari institusi, sisa pepejal import, sisa pepejal komersial dan juga sisa pepejal industri (PPSPPA, 2015b). Di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada tahun 2008 menunjukkan jumlah sampah domestik sebanyak 1.8 juta tan; dan ia meningkat kepada 1.9 juta tan pada tahun 2009 (Laporan Khas, 2011). Daripada keseluruhan sisa pepejal, sisa makanan merupakan komposisi utama yang menyumbang sehingga 45% selain daripada sisa seperti plastik, kertas, logam, kaca dan lain-lain (Unit Perancang Ekonomi, 2005).

Pengurusan sisa pepejal melibatkan lima elemen utama bermula daripada penjanaan, penstoran, pengutipan/pengangkutan, perolehan semula/rawatan, dan pelupusan (PPSPPA, 2015b). Oleh kerana meliputi elemen yang luas, pengurusan sisa pepejal perlu kepada penambahbaikan menyeluruh demi kebaikan terhadap persekitaran dan orang awam. Atas dasar ini maka kerajaan menstrukturkan semula pengurusan sisa pepejal melalui penswastan bermula daripada tempoh interim pada tahun 1998 sehingga dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2010. Bagi tujuan pelaksanaan ini juga, pada tahun 2007, Kerajaan mewartakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672).

Akta 672 berkuatkuasa pada 1 September 2011 di seluruh Semenanjung Malaysia, yakni Perlis, Kedah, Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, tidak termasuk Perak, Selangor dan Pulau Pinang (PPSPPA, 2015b). Melalui Akta ini, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam beralih daripada bidang kuasa pihak berkuasa tempatan kepada Kerajaan Persekutuan di mana Kerajaan Persekutuan diberi kuasa eksekutif berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673) turut diwartakan bagi menubuhkan sebuah perbadanan yang bertanggungjawab melaksana dan menguatkuasa undang-undang dan peraturan berkaitan dengan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Secara umumnya, Akta 672 masih baru dikuatkuasakan di samping hasrat menguatkuasakan peruntukan berkaitan pengasingan sisa di punca yang dicadangkan bermula pada 1 September 2015 ini. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan pengurusan dan undang-undang berkaitan dengan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan merujuk kepada peruntukan yang terkandung dalam Akta 672. Melalui kaedah analisis kandungan, artikel berbentuk kertas kerja konsep ini membincangkan peruntukan seksyen yang berkaitan dengan pengurusan dan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terkandung dalam Akta 672. Kertas kerja konsep ini dimulakan dengan pengenalan kepada senario sisa pepejal di Malaysia. Seterusnya latar belakang ringkas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dihuraikan dengan merujuk kepada peringkat-peringkat perubahan dan pengambilalihan. Jabatan, Perbadanan dan pihak-pihak yang terlibat dengan penguatkuasaan dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam turut diterangkan. Fokus perbincangan selanjutnya adalah dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta 672 meliputi isu pelesenan, bentuk-bentuk kawalan ke atas pembuangan sisa pepejal, penguatkuasaan, pengurangan dan kitar semula serta tribunal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal.

2.0 Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Perbincangan mengenai pengurusan sisa pepejal ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu latar belakang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia, dan pengurusannya selepas berkuatkuasa Akta 672.

2.1 Latar Belakang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Malaysia

Sejarah pengurusan sisa pepejal boleh dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu kawalan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penswastan interim dan penyeragaman di bawah Kerajaan Persekutuan.

(1) Kawalan Penuh PBT

Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976, PBT bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal khususnya dalam kawasan PBT. Perkhidmatan ini termasuklah kutipan dan pengangkutan sampah ke tapak pembuangan. Secara amalnya, PBT menyediakan perkhidmatan kepada orang awam sama ada secara langsung atau melalui khidmat kontraktor yang dilantik. Fungsi Kerajaan Negeri berkaitan dengan perkara ini adalah memantau pelaksanaan dan aktiviti PBT di samping menyediakan tapak bagi kemudahan pelupusan sampah. Pada peringkat Kerajaan Persekutuan, KPKT, Kementerian Kesihatan dan Unit Perancang Ekonomi memainkan peranan dalam menyediakan PBT dengan bantuan kewangan dan teknikal bagi menambahbaik pengurusan sampah (Jabatan Kerajaan Tempatan, 2005).

Sehingga tahun 1998, pengurusan sisa pepejal diuruskan oleh PBT mengikut negeri. Keadaan negara yang pesat membangun meningkatkan kuantiti sisa pepejal yang dijana menyebabkan kos pengurusan sisa pepejal turut meningkat. Perangkaan pada tahun 2012 oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) menunjukkan 25,000 tan sisa dijana sehari di Semenanjung Malaysia dengan hanya 5 peratus yang dikitar semula (PPSPPA, 2015b). Statistik ini menunjukkan bahawa kaedah pengurusan sisa hanyalah bergantung kepada tapak pelupusan dengan kadar 95 peratus sisa dikutip, manakala pengasingan di punca masih terlalu rendah. Peningkatan berterusan sisa pepejal boleh menyebabkan berlaku kekurangan kawasan tapak pelupusan sedangkan pada masa yang sama, tapak pelupusan merupakan penyumbang utama pelepasan gas rumah hijau yang menjadi penyebab kepada perubahan iklim dan pemanasan global (PPSPPA, Laporan 2012).

Berdasarkan kajian menyeluruh yang dibuat ke atas keupayaan PBT untuk mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam, Kerajaan mendapati kebanyakan PBT kekurangan dari segi kewangan, kepakaran dan juga sumber manusia untuk memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti (KPKT, 2013a). Dalam melaksanakan fungsinya, PBT dilaporkan perlu menyediakan antara 40 hingga 45 peratus tenaga kerja bagi melaksanakan perkhidmatan berkaitan pengurusan sisa pepejal (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Selain itu, menurut kajian KPKT pada tahun 2001, daripada 112 tapak pelupusan, hanya 6 peratus yang diklasifikasi sebagai mempunyai ciri-ciri pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar (Jabatan Kerajaan Tempatan, 2005). Proses pengutipan, pengangkutan dan pembinaan fasiliti untuk merawat dan melupus sisa pepejal di samping masalah tempat pelupusan turut menyumbang kepada peningkatan kos PBT. Pada masa yang sama, masyarakat semakin peka ke atas isu-isu alam sekitar menyebabkan masalah sisa pepejal sering mendapat perhatian umum.

Dengan kekangan tenaga kerja, peningkatan jumlah pembuangan sisa serta masalah kekurangan tapak pelupusan, penstrukturan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi tujuan penambahbaikan amat perlu. Ini kerana pengurusan sisa pepejal memerlukan kos yang tinggi, usaha yang berfokus dan pemantauan yang menyeluruh bagi memastikan sisa diurus secara mapan demi kelestarian alam sekitar. Sehubungan itu, usaha melalui penswastaaan dan pengambilalihan dilihat sebagai jalan terbaik supaya pengurusan sisa pepejal dapat diuruskan secara lebih baik, bersistematik dan berfokus. Bagi PBT pula, dengan pengambilalihan kuasa oleh Kerajaan Persekutuan, PBT tidak lagi menanggung beban kerja sebaliknya boleh menumpukan kepada fungsi utamanya yang lain seperti pelesenan, penguatkuasaan undang-undang, perancangan dan pembangunan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Sebagaimana yang dihasratkan di bawah RMK10, hasil utama daripada usaha ini seharusnya merangkumi penyediaan bantuan kepada PBT; pemberian perkhidmatan sanitari yang menyeluruh; dan memastikan sisa diurus secara mapan (Unit Perancang Ekonomi, 2010).

(2) Penswastaaan interim

Selain daripada masalah PBT, keperluan terhadap keberkesanan dan kecekapan pengurusan sisa pepejal merupakan perkara utama yang ditekankan sejajar dengan matlamat Wawasan

2020. Pada saat masyarakat semakin peka dengan isu alam sekitar dan mengharapkan perkhidmatan yang lebih berkualiti, kerajaan mengemukakan saranan terhadap penswastaan pengurusan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia, iaitu bermula pada tahun 1995. Langkah permulaan adalah dengan melaksanakan penswastaan interim pengurusan sisa pepejal mengikut kawasan geografi iaitu Kawasan Zon Tengah dan Timur, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Sabah, Zon Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penswastaan secara interim ini dilaksana bermula pada tahun 1998. Penswastaan interim ini dilihat sebagai pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara berperingkat daripada PBT negeri ke arah perjanjian konsesi mengikut zon.

(3) Penyeragaman Sistem

Perubahan utama yang berlaku dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini adalah pengambilalihan bidang kuasa dari PBT oleh Kerajaan Pusat. Objektif penyeragaman sistem dan pengambilalihan ini adalah untuk (KPKT, 2005):

- (a) menubuhkan dasar kebangsaan bagi pengurusan sisa pepejal dan memastikan pelaksanaannya;
- (b) menyediakan asas bagi pembangunan wilayah untuk kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti loji rawatan perantara (*intermediate treatment plants*) dan tapak pelupusan sanitari;
- (c) memastikan sistem teknikal yang digunakan adalah bersesuaian dan selaras dengan dasar kebangsaan dan dibuat kajian dengan sebaiknya; dan
- (d) menyediakan peruntukan yang diperlukan sama ada secara terus atau melalui program penswastaan bagi mengurangkan beban kewangan kepada masyarakat awam.

Selaras dengan hasrat pengambilalihan bagi tujuan penambahbaikan dan penyeragaman sistem, Kerajaan Persekutuan menggubal danewartakan Akta 672 pada tahun 2007. Akta 672 ini bermatlamat untuk memastikan keseragaman undang-undang dalam pengawalan dan pengawalseliaan perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam. Ia juga untuk memberi kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam. Fokus utamanya adalah untuk memastikan pengurusan sisa

pepejal terkawal dan pembersihan awam dapat diuruskan dengan sistematik dan seragam bagi mewujudkan persekitaran yang lestari (PPSPPA, Laporan 2012).

Bagi mencapai matlamat ini, selepas peringkat penswastaaan interim, kerajaan akhirnya melaksanakan perjanjian konsesi yang melibatkan penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan melibatkan pembahagian tiga zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan. Zon Tengah melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang berada di bawah kendalian Alam Flora Sdn. Bhd.; Zon Selatan yang melibatkan negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan adalah di bawah SWM Environment Sdn. Bhd.; manakala Zon Utara yang melibatkan negeri Kedah dan Perlis adalah di bawah Environment Idaman Sdn. Bhd., yang merupakan tiga syarikat yang mendapat konsesi bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Perjanjian konsesi ini melibatkan 52 PBT dan Perbadanan Putrajaya. Perbadanan berperanan untuk menguruskan pelaksanaan Perjanjian Konsesi termasuk memantau prestasi perkhidmatan syarikat konsesi melalui pematuhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan di peringkat negeri (PPSPPA, Laporan 2012).

Secara ringkas, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang dijalankan oleh syarikat konsesi dan kontraktor yang dilantik adalah meliputi pengasingan, penstoran, pemungutan, pengangkutan, pemindahan, pemprosesan, pengitaran semula, pengolahan dan pelupusan sisa pepejal terkawal. Bagi perkhidmatan pembersihan awam pula, ia termasuk (a) membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam; (b) membersihkan – (i) pusat penjaja kecuali medan makan yang dipunyai dan disenggarakan secara persendirian; dan (ii) pasar kecuali pasar yang dipunyai dan disenggarakan secara persendirian; (c) membersihkan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan awam dan di tempat awam; (d) membersihkan pantai; (e) memotong rumput di tepi bebendul jalan awam; (f) memotong rumput di tempat awam; dan (g) mengalihkan bangkai. Perkhidmatan ini tidak termasuk pelandskapan dan penyenggaraan jalan awam dan tempat awam (Seksyen 2, Akta 672).

2.2 Pengurusan Sisa Pepejal Selepas Kuatkuasa Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)

Dengan pengwartaan Akta 672, Kerajaan turut menubuhkan dua buah agensi iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) bagi memastikan penguatkuasaan Akta berjalan dengan baik serta memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dapat diuruskan dengan teratur dan sempurna (KPKT, 2013a).

(a) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (Jabatan PSPN) ditubuhkan di bawah KPKT. Ia secara umumnya bertanggungjawab untuk merangka dasar, perancangan dan strategi berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal; merangka perancangan bagi fasiliti pengurusan sisa pepejal dari sudut lokasi, jenis dan saiz; menetapkan standard, spesifikasi dan tata amalan yang berkaitan; di samping menjalankan fungsi-fungsi kawal selia. Jabatan ini juga bertindak sebagai *regulatory body* bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksana secara bersepadu, cekap dan kos efektif dengan memelihara sumber alam, memelihara alam sekitar, menjamin kesihatan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

(b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)

Perbadanan PPSPPA adalah badan berkanun yang ditubuhkan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673). Ia ditubuhkan khusus untuk mentadbir dan menguatkuasa Akta 672. Segala urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk pengurusan dan operasi tapak pelupusan yang diuruskan oleh PBT sebelum ini diambilalih oleh Perbadanan. Perbadanan turut mengenal pasti dan menilai tapak pelupusan sanitari, stesen pemindahan, teknologi insinerator dan pengurusan loji bagi tujuan pelupusan. Fungsi Perbadanan secara ringkas adalah melaksanakan dasar, perancangan dan strategi; memantau pematuhan terhadap standard, spesifikasi dan tata amalan; melaksanakan dan menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang berkaitan; melaksanakan usaha-usaha bagi menggalakkan penglibatan awam dan meningkatkan kesedaran awam; di samping memastikan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung secara khusus.

Walaupun fungsi Jabatan dan Perbadanan ini hampir sama, namun terdapat perbezaan antara keduanya. Perbezaan ini dapat dilihat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perbezaan Jabatan PSPN dan Perbadanan PSPPA

JPSPN	PPSPPA
Seksyen 6(1), Akta 672	Seksyen 17(1), Akta 673 (PPSPPA)
Mewujudkan dasar, rancangan, dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	Mengesyorkan dan melaksanakan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Merumus rancangan bagi pengurusan sisa pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim PSP dan jangka masa perancangan	Mengesyorkan rancangan bagi pengurusan sisas pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim PSP dan jangka masa perancangan
Menetapkan standard, spesifikasi dan tata amalan	Mengawasi pematuhan standard, spesifikasi dan tata amalan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Melaksanakan fungsi pengawalseliaan	Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang PSPPA dan juga mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang
Memberikan lesen dan kelulusan	

Sumber: KPKT, 2013b

Dari sudut pelaksanaan, terdapat beberapa perbezaan pengurusan sisa pepejal berbanding dahulu dan sekarang seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Perbezaan Pengurusan Sisa Pepejal Dahulu dan Sekarang

Dahulu	Sekarang
Tiada pemantauan dijalankan terhadap kutipan yang dijalankan oleh PBT dan konsesi.	Kutipan dijalankan oleh konsesi mengikut jadual yang ditetapkan dengan pemantauan KPI oleh PPSPPA.
Tiada pemantauan dijalankan terhadap pengurusan air larut resap (<i>leachate</i>).	Pemantauan dijalankan bagi memastikan: <ul style="list-style-type: none"> - tiada tumpahan <i>leachate</i> berlaku semasa kutipan dijalankan. -tumpahan <i>leachate</i> dibersihkan dalam tempoh 2 jam. -<i>leachate</i> dilupuskan di fasiliti yang dibenarkan.

Tiada kutipan bahan kitar semula dijalankan	Kutipan bahan kitar semula seminggu sekali. Pelaksanaan Sistem Bayaran Balik Deposit (<i>Deposit Refund System</i>) dan Sistem Ambil Balik (<i>Take Back System</i>).
---	--

Sumber: PPSPPA, 2015b

Menurut Laporan Tahunan 2012 oleh PPSPPA, terdapat 165 tapak pelupusan yang beroperasi di seluruh negara berbanding 296 tapak pelupusan sisa pepejal sebelum ini (PPSPPA, Laporan 2012). Selain daripada memulihkan tapak pelupusan sedia ada, sembilan tapak pelupusan sanitari akan dibina bagi menggantikan tapak pelupusan yang ditutup (PPSPPA, Laporan 2012). Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, stesyen pemindahan, kemudahan pemerolehan semula bahan secara bersepadu, dan kemudahan pelupusan dan rawatan lain akan turut dibina (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Menjelang tahun 2020, kerajaan menghasratkan dapat mencapai penutupan sepenuhnya semua tapak pembuangan terbuka (KPKT, 2005).

Dengan penguatkuasaan Akta 672 ini, diharapkan agar matlamat Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan tercapai dengan meluaskan perkhidmatan pengutipan sehingga 90 peratus; pengurangan dan pemulihan (*reduction and recovery*) sebanyak 17 peratus berbanding sekarang yang hanya menyumbang sekitar 5 peratus; penutupan sepenuhnya tapak pembuangan; dan 100 peratus pengasingan di punca, khususnya di kawasan bandar (KPKT, 2005).

3.0 Perundangan Berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Akta Pengurusan Sisa Pepjal dan Pembersihan Awam yang dirujuk di sini sebagai Akta 672 merupakan suatu Akta yang bertujuan “untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud menyenggarakan kebersihan yang sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya” (Tajuk Panjang, Akta 672).

Akta 672 terbahagi kepada 12 Bahagian iaitu Bahagian I (Permulaan), Bahagian II (Pentadbiran), Bahagian III (Kelulusan bagi pembinaan, perubahan atau penutupan

kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan), Bahagian IV (Peruntukan lesen), Bahagian V (Caj), Bahagian VI (tribunal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal), Bahagian VII (Pengambilalihan kawalan), Bahagian VIII (Kawalan ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal), Bahagian IX (peruntukan penguatkuasaan), Bahagian X (Pengurangan dan mendapatkan semula sisa pepejal terkawal), Bahagian XI (Am), dan Bahagian XII (Kecualian dan peralihan). Terdapat 112 peruntukan undang-undang kesemuanya di dalam 12 Bahagian ini.

Perbincangan seterusnya memfokuskan kepada peruntukan perundangan yang secara khusus berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu definisi sisa pepejal, pelesenan, bentuk-bentuk kawalan ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal, penguatkuasaan, pengurangan dan mendapatkan semula sisa pepejal terkawal serta tribunal perkhidmatan pengurusan sisa pepejal.

3.1 Definisi sisa pepejal

Seperti yang disebut dalam Tajuk Panjang, peruntukan Akta 672 adalah bermatlamat untuk mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal. Sisa pepejal terkawal dinyatakan dalam seksyen 2 sebagai sisa pepejal yang tergolong dalam kategori berikut: sisa pepejal komersial, sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal isi rumah, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal keinstitutionan; sisa pepejal import; sisa pepejal awam; dan sisa pepejal yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Selain itu, “sisa pepejal yang boleh dikitar semula” adalah sisa pepejal terkawal yang sesuai untuk dikitar semula. Justeru, sisa pepejal yang diliputi untuk tujuan Akta 672 adalah merujuk kepada klasifikasi atau kategori yang dinyatakan di atas sahaja.

Secara khususnya, “sisa pepejal” ditakrifkan sebagai termasuk bahan sekerap atau bahan lebihan lain yang tidak dikehendaki; benda yang dilupuskan kerana pecah, lusuh, tercemar atau rosak; atau bahan yang mengikut Akta dikehendaki dilupuskan, tetapi tidak termasuk buangan berjadual yang diperihalkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kumbahan yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau sisa radioaktif yang ditakrifkan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984. Secara umumnya ia bermaksud sisa buangan atau sampah-sarap yang bukan dalam bentuk cecair dan gas.

Bagi kategori sisa pepejal terkawal, “sisa pepejal awam” ditakrif sebagai sisa pepejal yang dihasilkan oleh tempat awam di bawah kawalan PBT; “sisa pepejal import” adalah yang dihasilkan di negara lain dan diimport ke Malaysia untuk diproses atau dilupuskan; “sisa pepejal isi rumah” adalah yang dihasilkan oleh isi rumah, dan dari jenis yang biasa dihasilkan oleh rumah kediaman termasuk sisa taman. Ia kadang-kala dirujuk sebagai sisa domestik.

Selain itu, “sisa pepejal keinstitutional” adalah sisa pepejal yang dihasilkan oleh premis yang digunakan bagi maksud sembahyang atau khairat; jabatan kerajaan Persekutuan, Negeri, PBT atau badan berkanun; premis pendidikan; kemudahan kesihatan termasuk hospital, klinik dan pusat kesihatan, atau zoo awam, muzium awam, perpustakaan awam dan rumah anak yatim; “sisa pepejal khas” adalah sisa pepejal yang terkawal yang ditetapkan berbahaya untuk kesihatan awam, atau sukar untuk diolah, disimpan atau dilupuskan sehingga perlu peruntukan khas untuk menguruskannya; “sisa pepejal komersial” adalah yang dihasilkan daripada aktiviti komersial; “sisa pepejal pembinaan” adalah sisa yang dihasilkan daripada aktiviti pembinaan atau perobohan; dan “sisa pepejal perindustrian” adalah sisa pepejal yang dihasilkan daripada aktiviti perindustrian.

Oleh itu, secara ringkas kategori sisa pepejal terkawal ini merujuk kepada punca dari mana sisa pepejal tersebut dihasilkan atau dijana. Namun, ciri-ciri sisa tersebut masih bersifat “pepejal”.

3.2 Pelesenan

Menurut seksyen 14, hanya pemegang lesen berhak untuk mengusaha atau menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal; mengurus dan mengendali kemudahan pengurusan sisa pepejal; atau mengusaha atau menyediakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam. Pemegang lesen juga mesti mengikut syarat lesen. Selain itu, pemberian lesen adalah bersifat peribadi; ia tidak boleh dipindahmilik, disub-lesenkan atau diserahkan kepada sesiapa sahaja kecuali dengan kelulusan bertulis Ketua Pengarah (KP).

Untuk tujuan pelesenan, atas syor Perbadanan, KP mempunyai kuasa sama ada untuk memberi atau enggan memberi lesen. Apabila diluluskan, pemegang lesen perlu membayar fi dan mematuhi syarat yang ditetapkan seperti kekerapan perkhidmatan, tempoh lesen, jenis sisa pepejal terkawal, hak dan kewajipan pemegang lesen dan

sebagainya. Seksyen 23 Akta 672 memperuntukkan bahawa KP boleh membatalkan atau menggantung lesen, atas syor Perbadanan jika:

- a) pemegang lesen gagal mematuhi peruntukan dan peraturan Akta 672;
- b) pemegang lesen gagal mematuhi syarat lesen;
- c) pemegang lesen mendapat lesen secara menyalahi undang-undang;
- d) pemegang lesen telah disabitkan kesalahan di bawah Akta 672;
- e) penerima, pengurus, penyelesaian sementara atau pegawai telah dilantik ke atas asset pemegang lesen dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelantikan; atau
- f) berlaku perbuatan atau keingkaran di pihak pemegang lesen sehingga menyebabkan pemegang lesen tidak lagi berhak untuk diberi lesen di bawah Akta 672.

3.3 Bentuk-Bentuk Kawalan Terhadap Penghasil Sisa Pepejal dan Orang Yang Memiliki Sisa Pepejal Terkawal

Akta 672 memperuntukkan beberapa bentuk kawalan terhadap sisa pepejal dengan mengenakan larangan tertentu ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal. Selain daripada aspek larangan, kawalan ini juga berbentuk arahan oleh pihak KP. Bentuk-bentuk kawalan yang dinyatakan melalui Akta adalah seperti berikut:

- (1) Larangan melonggokkan, memindahkan, memungut dan sebagainya sisa pepejal terkawal tanpa kebenaran (seksyen 71);
- (2) Larangan pelepasan sisa pepejal terkawal yang tidak dibenarkan; jika berlaku pelanggaran kepada peruntukan ini, jika disabitkan, boleh menyebabkan dikenakan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya (seksyen 72);
- (3) Sisa pepejal hendaklah diletakkan di dalam bekas atau di tapak longgokan sisa pepejal terkawal yang dibenarkan; kegagalan berbuat demikian, jika disabitkan boleh didenda sehingga seribu ringgit (seksyen 73);
- (4) KP boleh mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal diasingkan, dikendalikan dan distorkan, sekiranya perlu; kegagalan berbuat demikian, jika disabitkan boleh didenda sehingga seribu ringgit (seksyen 74);

- (5) KP boleh mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal dialihkan daripada tempat ianya dibuang atau dilonggokkan. Sekiranya orang yang diarahkan itu gagal mengambil tindakan sehingga menyebabkan tindakan pemindahan terpaksa diarahkan kepada pihak lain, maka kos pemindahan tersebut boleh dituntut daripada orang itu dan ia dianggap sebagai hutang kepada Kerajaan. Kegagalan mematuhi seksyen ini, jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya (seksyen 75);
- (6) KP boleh mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal yang dilonggokkan atau dilupuskan dengan menyalahi undang-undang dialihkan dengan menyampaikan notis bertulis kepada pemunya atau penghuni premis, orang yang melonggokkan atau melupuskan sisa pepejal terkawal, atau penghasil sisa pepejal. Tindakan mengalihkan sisa pepejal tersebut hendaklah dilakukan dalam tempoh tiga hari sebaik mendapat notis tersebut (seksyen 76). Kesalahan bagi kegagalan mematuhi arahan ini adalah sama dengan seksyen 75 di atas, iaitu jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- (7) Mana-mana orang tidak boleh menyebabkan kerosakan kepada kenderaan, bekas atau kemudahan pengurusan sisa pepejal. Jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya (seksyen 77).

Bentuk-bentuk kawalan ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal ini amat jelas di mana kegagalan mematuhi larangan atau arahan yang dinyatakan boleh menyebabkan pihak terbabit disabitkan dengan kesalahan yang boleh didenda bermula dengan seribu ringgit sehingga seratus ribu di samping penganan penjara.

3.4 Penguatkuasaan

Bagi menjalankan penguatkuasaan Akta, KP hendaklah melantik pegawai dari JPSPN, pegawai PBT atau pegawai PPSPPA sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah untuk menjalankan tindakan-tindakan berikut (seksyen 78):

- (1) penguatkuasaan (seksyen 79);
- (2) penyiasatan (seksyen 81);
- (3) penggeledahan dan penyitaan dengan waran (seksyen 81) dan tanpa waran (seksyen 82);
- (4) Capaian kepada data komputer (seksyen 83);
- (5) Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan (seksyen 84);
- (6) Kuasa untuk menghendaki kehadiran (seksyen 87) dan pemeriksaan (seksyen 88) ke atas orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.

KP atau PPSPPA juga berhak menetapkan jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan. Jika sekiranya tawaran dalam kompaun tersebut tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan, pendakwaan bagi kesalahan boleh dimulakan (seksyen 94). Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pengkompunan Kesalahan) 2011 juga diwujudkan melalui seksyen 108 Akta 672 bagi menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun dan tatacara mengkompaun kesalahan tersebut.

3.5 Pengurangan, penggunaan semula dan pengitaran semula sisa pepejal terkawal

Bagi maksud mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula (*reduce, reuse and recycle (3R)*) sisa pepejal terkawal, di bawah seksyen 101, Menteri boleh mengeluarkan perintah yang menghendaki:

- (1) penghasil sisa pepejal untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal terkawal;
- (2) mana-mana orang untuk menggunakan bahan yang mesra alam;
- (3) mana-mana orang menggunakan bahan kitar semula bagi keluaran tertentu;
- (4) mana-mana orang menghadkan penghasilan, pengimportan, kegunaan, pengeluaran atau pelupusan keluaran/bahan tertentu;
- (5) pelaksanaan kod dan pelabelan bagi keluaran/bahan untuk menggalakkan pengitaran semula;
- (6) penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan kesan buruk sisa pepejal terkawal pada alam sekitar; dan
- (7) penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sisa pepejal terkawal.

Pelaksanaan mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah dirancang bermula secara berperingkat mulai September 2015. Pelaksanaan ini bertujuan untuk mengarahkan pengasingan sisa di punca (*separation at source*). Ia melibatkan negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah. Secara umumnya, proses pengasingan sisa pepejal isi rumah ini melibatkan tindakan berikut:

- (1) Pengasingan sisa pepejal isi rumah mengikut komposisi sisa seperti plastik, kertas, kadbod, kaca, logam, sisa elektronik, sisa berbahaya dari rumah, sisa pukal dan sisa kebun.
- (2) Sisa yang diasingkan akan dikutip seminggu sekali mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat konsesi yang telah dilantik.

Menteri juga boleh membuat satu perintah bagi mewujudkan sistem terima balik (*take back system*) dan sistem bayaran balik deposit (*deposit refund system*) (seksyen 102). Kedua-dua sistem ini akan dikenakan kepada syarikat-syarikat pengeluar atau pembuat barangan supaya barangan yang dijual seperti peralatan elektrik boleh dikembalikan kepada pihak pengeluar apabila rosak.

Sistem terima balik berfungsi dengan menghendaki:

- (1) keluaran yang telah digunakan diterima balik oleh pengeluar, pemasang, pengimport dan lain-lain, dan supaya mereka menanggung kos sendiri untuk mengitar semula atau melupuskan keluaran tersebut;
- (2) mana-mana orang untuk menghantar keluaran atau barang kepada pengeluar dan lain-lain; dan
- (3) mana-mana pengedar keluaran dan barang tertentu untuk menerima dan menstorkan keluaran yang diterima balik.

Sistem bayaran balik deposit pula berfungsi dengan Menteri menentukan:

- (1) keluaran dan barang tertentu;
- (2) amaun bayaran balik deposit;
- (3) pelabelan keluarandan barang; dan
- (4) obligasi pengedar keluaran dan barang.

Dengan wujudnya sistem 3R, terima balik dan bayaran balik deposit ini diharapkan jumlah penjanaan sisa pepejal dapat dikurangkan sekaligus dapat mengatasi masalah kekurangan tapak perlupusan. Ia juga secara tidak langsung dapat menggalakkan penggunaan teknologi oleh pengeluar produk di samping dapat menjana pendapatan dan kekayaan ekonomi melalui usaha-usaha inovatif khususnya dari bahan-bahan terbuang. Inilah antara hasrat dan matlamat yang diidamkan dalam Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yakni untuk mencapai pengurangan penghasilan sisa pepejal menjelang tahun 2020 (KPKT, 2005).

3.6 Tribunal Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal

Selain daripada bentuk-bentuk kawalan dan galakan kepada program kitar semula, Tribunal Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal (Tribunal) ditubuhkan di bawah seksyen 34 Bahagian VI Akta 672. Tribunal ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan yang tidak melebihi RM50,000 (seksyen 45(1)). Namun begitu, tuntutan melebihi RM50,000 ini dibenarkan jika wujud perjanjian yang membenarkan Tribunal mendengarnya (seksyen 47).

Bagi tujuan tuntutan di Tribunal, Akta 672 membenarkan orang yang berkepentingan untuk membawa dan mengambil tindakan. Menurut Akta, “orang yang berkepentingan” adalah Perbadanan, pemegang lesen, pemunya, penghuni, PBT dan penghasil sisa pepejal (seksyen 33). Selain itu, penentang juga boleh membuat pembelaan atau tuntutan balas (seksyen 45(2)) dan Tribunal boleh mendengar dan memutuskan tuntutan balas walaupun tuntutan asal telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan (seksyen 45(3)).

Tribunal ini walau bagaimanapun mempunyai had bidangnya di mana tuntutan yang boleh didengar adalah tuntutan bagi mendapatkan caj, fi atau levi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal oleh pemegang lesen atau perbadanan; atau apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada caj, fi atau levi yang dikenakan bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal antara pemegang lesen atau perbadanan dan pemunya, penghuni, PBT atau penghasil sisa pepejal. Selain itu, tuntutan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun (seksyen 46(2)).

Dari segi keanggotaan, Tribunal perlu terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan dan sekurang-kurangnya lima anggota lain yang dilantik oleh Menteri, dengan tempoh lantikan selama tiga tahun. Lantikan semula boleh dibuat namun tidak lebih tiga tempoh berturut-turut (seksyen 35). Seorang Setiausaha Tribunal serta lain-lain pegawai juga akan dilantik untuk menjalankan fungsi Tribunal (seksyen 42).

Dengan wujudnya Tribunal ini diharapkan kes-kes yang melibatkan masalah sisa pepejal dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efisien.

4.0 Penutup

Penggubalan Akta 672 adalah bertujuan untuk memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat undang-undang bagi pengawalan dan pengawalseliaan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Malaysia. Ini untuk memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam menjadi lebih berkesan, cekap dan berkualiti bagi menjamin persekitaran negara yang bersih dan sihat demi kelestarian alam sekitar dan jaminan terhadap kesihatan awam. Langkah ini selaras dengan matlamat mencapai negara maju pada tahun 2020 di samping membuktikan komitmen terhadap prinsip pembangunan mapan (*sustainable development*) yang diakui melalui Deklarasi Rio pada tahun 1992. Penggubalan Akta 672 ini turut disesuaikan dengan objektif penubuhan PPSPPA iaitu untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang teratur dan berkesan bagi meningkatkan kualiti persekitaran yang bersih dan sihat. Di samping pengurusan yang teratur dan bersistematik, perundangan juga perlu dilaksanakan dengan adil, teratur serta berkesan. Penguatkuasaan Akta 672 serta program kitar semula yang bakal dilancarkan pada 1 September 2015 ini diharapkan dapat merealisasikan matlamat utama negara untuk mencapai “Sisa Sifar” (*Zero Waste*) menjelang tahun 2020.

Rujukan

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673).

Jabatan Kerajaan Tempatan. (2005). *National Strategic Plan for solid waste management – executive summary*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Akses di http://www.kpkt.gov.my/jpspn_2013/main.php?Content=sections&SubSectionID=63&SectionID=53&CurLocation=53&IID=

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2008). *Laporan Tahunan 2006*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2013a). *Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam*. Akses di http://www.kpkt.gov.my/jpspn_2013/main.php?Content=articles&ArticleID=74&IID=

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2013b). Soalan lazim: Penguatkuasaan Akta. Akses di http://www.kpkt.gov.my/kpkt_2013/index.php/pages/view/365

Laporan Khas. (23 Januari, 2011). Dalam masa lima hari sampah Malaysia sebesar Perlis! Utusan Malaysia.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. (2015a). *Perbezaan Pengurusan Sisa Pepejal*. Akses di <http://www.ppsppa.gov.my/index.php/ms/program-kami/kutipan-sisa-pepejal>

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. (2015b). *Penerbitan Laporan Pengurusan Sisa Pepejal*. Akses di <http://www.ppsppa.gov.my/docfile/kitar-semula/LaporanPengurusanSisaPepejal.pdf>.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. (t.t.). *Laporan Tahunan 2012*. Kuala Lumpur. Akses di <http://www.ppsppa.gov.my/docfile/laporan-tahunan/2012.pdf>

Unit Perancang Ekonomi. (2005). *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.